

Beberapa kawasan di Pahang mula banjir

KUANTAN 20 Dis. - Beberapa kawasan rendah dan daerah di negeri Pahang mula dinaiki air selepas hujan lebat turun secara kerap dan berterusan sejak seminggu lalu.

Antara kawasan yang terjejas ialah di Jalan Tanjung Lumpur berhampiran bangunan Yayasan Pahang, Felda Selancar, Rompin, Paya Besar dan kawasan Cherating.

Sementara itu, jalan utama untuk ke Felda Selancar terputus sama sekali selepas jambatan yang menghubungkan jalan tersebut runtuh akibat arus deras menyebabkan 7,000 penduduk terkandas.

Lebih teruk lagi, bekalan air dan elektrik ke Felda tersebut terputus selepas kabel dan saluran paip pecah.

Setakat pagi ini, 10 kawasan lain di daerah Rompin termasuk beberapa buah kampung turut ditenggelami air.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati seramai 171 orang daripada 35 keluarga dari Kampung Rekoh dan 88 orang dari Kampung Kurnia di daerah itu

telah pun dipindahkan.

Di bandar Kuantan pula, belum ada tanda-tanda mengalami banjir besar setakat ini walaupun kekerapan hujan yang agak lebat dalam tempoh tersebut.

Bagaimanapun, jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri memberitahu, situasi banjir di Pahang akan menjadi lebih teruk dalam tempoh seminggu akan datang sekiranya hujan lebat masih berterusan.

Katanya, air pasang besar diramal berada pada tahap sekitar 3.6 meter bermula malam ini sehingga malam Sabtu ini.

"Banjir berkemungkinan berlaku andai kata jumlah air hujan yang lebat di hulu sungai bertembung dengan air pasang besar di muara sungai (hilir) sehingga melimpahi tebing," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelasnya, walaupun paras air di lapan stesen utama di seluruh negeri masih berada di bawah tahap bahaya peringkat satu, namun keadaan itu dijangka berubah jika hujan turun secara berterusan.